

Headline	<b>Kolej Risda terajui pengajian teknologi pertanian</b>
Date	<b>05. Jul 2008</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>
Section	<b>Supplement</b>
Circulation	<b>238082</b>
Readership	<b>833287</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>8</b>
Article Size	<b>451 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



# Kolej Risda terajui pengajian teknologi pertanian



Kolej Risda merupakan satu-satunya IPTS yang menjalankan kursus pertanian di peringkat diploma

**M**ENYEDARI betapa pentingnya sektor pertanian untuk pembangunan negara, Kolej Risda menyediakan peluang untuk melanjutkan pelajaran bagi Diploma Pertanian (kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), Diploma Pengurusan Ladang (kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan program Pra-Diploma Sains ditawarkan sebagai *feeder* kepada program Diploma Pengurusan Ladang.

Bagi melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam bidang pertanian, Kolej Risda membuat penambahan kursus baru iaitu program Diploma Pengurusan Lanskap dan Hortikultur yang sedang diusahakan untuk mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi.

Kolej Risda merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menjalankan kursus pertanian di peringkat diploma setakat ini. Prestasi kecemerlangan Kolej Risda juga terbukti dengan penganugerahan pelajar terbaik keseluruhan di antara semua IPTS yang menjalankan program kerjasama dengan UPM dalam Majlis Konvensyen UPM yang Kesembilan pada 30 Ogos 2007 bagi program Diploma Pertanian.

Kolej Risda menawarkan program profesional dan vokasional dari peringkat diploma dan pra-diploma yang telah mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi dan pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Kesemua sembilan program yang ditawarkan dijalankan di Kolej Risda Melaka seperti Diploma Pertanian (UPM), Diploma Pengurusan Ladang (UiTM), Diploma Pengurusan Perniagaan (UPM), Diploma Sains Komputer (UPM), Diploma Perakaunan (Profesional MQA), Diploma Keusahawanan (Profesional MQA), Pra-Diploma Sains (UiTM), Sijil Pengurusan Perniagaan dan Sijil Sains Komputer.

**Komitded**

Headline **Kolej Risda terajui pengajian teknologi pertanian**  
Date **05. Jul 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**

Dengan barisan tenaga pengajar yang berpengalaman, Kolej Risda komited untuk melahirkan graduan yang mahir dengan menggunakan pendekatan pertanian komersial yang berskala besar serta teknologi terkini secara meluas bagi menghasilkan pengeluaran yang berkualiti.

Kampus panaromik yang di kelilingi dengan pohon-pohon menghijau, kawasan ladang dan kawasan amali yang luas untuk aktiviti pertanian serta kemudahan lain seperti perpustakaan dan makmal komputer yang lengkap.

Gabungan antara peralatan canggih dan peralatan pertanian termasuk kelengkapan makmal sains tumbuhan dan tanah serta pendedahan secara amali memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Sebanyak 98 peratus pelajar yang mengikuti pengajian di Kolej Risda sekarang mendapat pembiayaan dan penajaan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan sebagainya.

Bagi memperlihatkan keprihatinan terhadap kecemerlangan generasi kedua pekebun kecil dan masyarakat luar bandar, Kolej Risda menawarkan kursus-kursus kemahiran jangka pendek dalam bidang kecantikan, jahitan, perkapalan, baik pulih telefon bimbit, juruelektrik, kimpalan, bakeri & pastri, baik pulih komputer dan sebagainya dengan pembiayaan dari Risda dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW).

Kolej Risda yakin berupaya membantu negara untuk menghasilkan lebih ramai pakar di dalam bidang pertanian dan seterusnya memainkan peranan positif dalam penyediaan modal insan berminda kelas pertama.

Usaha Kolej Risda bukan sahaja bermatlamat merealisasikan objektif kerajaan untuk membasmi kemiskinan dengan sasaran Sifar Kemiskinan Sebelum 2010 malah memenuhi keperluan tenaga kerja dalam sektor pertanian.

Pelajar yang berminat untuk mengikuti pengajian di Kolej RISDA boleh menghadiri hari pendaftaran terbuka di beberapa tempat seperti di jadual yang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Sila bawa bersama salinan sijil-sijil (SPM/STPM/Sijil), kad pengenalan, sijil lahir dan sijil berhenti sekolah/tamat pengajian yang telah disahkan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di talian 03-42571677 / 42572677 (Kolej RISDA Ibu Pejabat) dan 06-5529227 / 5529642 (Kolej Risda Melaka) atau layari laman web [www.kolejrisda.edu.my](http://www.kolejrisda.edu.my).